

HARGA SIJIL HALAL & PERMIT HALAL

Jenis	Bayaran	Tempoh Sah
Sijil Halal	B\$ 90	3 tahun
Permit Halal	B\$ 50 (satu produk)	-

KAUNTER PEMBAYARAN


Tingkat 1, Bahagian Kewangan dan Perakaunan,
Jabatan Majlis Ugama Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Jalan Dewan Majlis, BB3910,
Negara Brunei Darussalam.

Hari	Pagi	Petang
Isnin - Khamis	8:30 - 11:00	2:00 - 3:00
Sabtu	8:30 - 10:00	-

KAUNTER MENGAMBIL SIJIL

Tingkat 3, Jabatan Majlis Ugama Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Jalan Dewan Majlis, BB3910,
Negara Brunei Darussalam.
2382320/2382525/2382526 ext. 358

Hari	Pagi	Petang
Isnin - Khamis	8:30 - 11:30	2:00 - 4:00



Alamat Ibu Pejabat

Bahagian Kawalan Makanan Halal

Tingkat Bawah

Jabatan Hal Ehwal Syariah

Kementerian Hal Ehwal Ugama (Bangunan Lama)

Jalan Elizabeth II

Bandar Seri Begawan BS3510

HUBUNGI KAMI



Daerah Brunei Muara: 2242570/71 ext. 113

2242566/67 ext. 113

Daerah Tutong: 4221486/87

Daerah Belait: 3342203

Daerah Temburong: 5222034

Hotline Aduan: 7166222

Emel: bkmh@mora.gov.bn

applyhalal@mora.gov.bn

Laman Web: www.kheu.gov.bn

Facebook: Bahagian Kawalan Makanan Halal

**PERMAKANAN HALAL,
TANGGUNGJAWAB BERSAMA**

Edisi Ogos 2017

SIJIL HALAL & PERMIT HALAL

BAHAGIAN
KAWALAN
MAKANAN
HALAL

SELAKU URUSETIA

MAJLIS
UGAMA
ISLAM
BRUNEI

"Wahai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik dari apa yang terdapat di bumi..."

Surah An-Nahl, ayat 114

"Mendapatkan makanan yang halal itu adalah wajib bagi setiap orang Islam"

Hadith Riwayat Ath-Thabrani

Sijil Halal hendaklah dipohonkan oleh mana-mana orang yang memiliki suatu perniagaan yang menyediakan makanan di suatu tempat seperti restoran, gerai atau kantin. Termasuk dalam kategori ini ialah mana-mana orang yang menjalankan perniagaan membuat dan menjual makanan dari rumah terus kepada pelanggan, TANPA diedarkan kepada pemborong atau peruncit.

Permit Halal hendaklah dipohonkan oleh mana-mana orang yang memiliki suatu perniagaan yang menyediakan makanan bagi maksud mengedarkan kepada pemborong dan peruncit atau untuk dieksport. Dengan Permit Halal ini, Logo Halal MUIB hendaklah dipamerkan atau diletakkan pada bungkusan produk-produk yang dipohonkan.



Prosedur memohon Sijil Halal & Permit Halal bagi Pengusaha-Pengusaha Makanan

di bawah
pengiktirafan
Majlis Ugama
Islam Brunei
(MUIB)

PEMOHON dikehendaki untuk:

- Membuat **permohonan** dengan lengkap.
- Melantik **sekurang-kurangnya dua (2) orang** pekerja yang berugama Islam sebagai **Penyelia Halal**.
- Menyertakan** salinan dokumen yang berkaitan. →

Seterusnya, **PEMERIKSA/JURUAUDIT HALAL** dari BKMH akan:

- Mengadakan **Ujian Lisan & Ujian Bertulis** kepada Penyelia Halal. Jika lulus, penyelia tersebut akan diberi tauliah dan diperakui oleh MUIB.
- Menjalankan **pemeriksaan Audit Lapangan** ke tempat perniagaan termasuklah:
 - Meneliti dokumentasi premis perniagaan seperti resit pembelian, rekod kebersihan & kawalan makhluk perosak.
 - Makanan dan bahan ramuan yang digunakan.
 - Proses kesemua produk (bahan mentah, cara pemprosesan, pengendalian, pengedaran produk dsb).
 - Peralatan, perkakas, mesin & bahan bantuan pemprosesan.
 - Tempat penyimpanan, penyediaan, peragaan & penyajian makanan atau produk.
 - Kebersihan, sanitasi & keselamatan makanan.
 - Pembungkusan, pelabelan, bilik sejuk, freezer, & pengangkutan.
 - Mengambil sampel bahan yang diragui.
 - Mengambil gambar bahan ramuan, kawasan premis perniagaan dan sebagainya.
- Menyusul semula ke tempat perniagaan bagi menjalankan **pemeriksaan Audit Susulan** jika hasil penemuan Audit Lapangan belum di tahap yang memuaskan.

Salinan dokumen yang diperlukan	Sijil Halal	Permit Halal
1. Kad Pengenalan & Pasport - Pemilik	✓	✓
2. Kad Pengenalan & Pasport - PH	✓	✓
3. 2 keping gambar - Pemilik Berukuran pasport	✓	✓
2 keping gambar - PH Berukuran pasport		
Lelaki berpakaian kemas Perempuan memakai tudung	✓	✓
5. Sijil Kesihatan Pekerja - PH	✓	✓
6. Sijil Pendaftaran Perniagaan atau yang sebanding dengannya	✓	✓
7. Pelan premis perniagaan	✓	✓
8. Peta lokasi premis perniagaan	✓	✓
9. Senarai Menu Makanan & Minuman	✓	✗
10. Senarai Produk	✗	✓
Senarai keseluruhan Bahan Ramuan yang digunakan	✓	✓
Senarai Bahan Ramuan bagi setiap produk	✗	✓
13. Carta Aliran pemprosesan dan prosedur pengeluaran produk Dokumen yang berkaitan seperti HACCP, GMP, ISO, ujian analisis makmal (jika berkenaan).	✗	✓
14. HACCP, GMP, ISO, ujian analisis makmal (jika berkenaan).	✓	✓

MESYUARAT

- Mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksaan Sijil Halal & Label Halal akan bersidang untuk **meneliti** dan **mempertimbangkan** permohonan tersebut. Jika **disokong**, laporan akan dihadapkan kepada MUIB.
- MUIB akan mengadakan mesyuarat baqi mempertimbangkan laporan permohonan. Jika **diluluskan**, Sijil Halal dan Permit Halal akan dikeluarkan.

- Sijil-sijil akan diberikan setelah pembayaran dibuat.
- Sijil Halal hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di tempat perniagaan.
- Sijil Tauliah bagi Penyelia Halal hendaklah dikembalikan sekiranya ada perubahan.
- Sijil Halal yang mansuh hendaklah dikembalikan untuk diperbaharui seawal-awal 6 bulan sebelum tarikh mansuh.
- Sijil yang hilang hendaklah dilaporkan kepada pihak polis dan bayaran akan dikenakan untuk pencetakan sijil gantian.



ANTARA KESALAHAN-KESALAHAN

Mana-mana pemegang sijil yang **mempamerkan** suatu **sijil** yang telah **tamat tempohnya** di tempat perniagaannya adalah melakukan suatu kesalahan.

Bab 39

Mana-mana orang yang **membuat** sesuatu **tanda** atau **cataatan** dalam, atau **memadam** atau **mengubah** sebarang catatan dalam, sebarang **sijil / permit** adalah melakukan suatu kesalahan.

Mana-mana orang yang melakukan sebarang kesalahan terhadap Perintah ini hendaklah, jika tiada hukuman lain diperuntukkan.

Jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari **\$4,000**, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Bab 6 & Bab 12

Mana-mana orang yang menggunakan, menyebabkan untuk digunakan atau memudahkan penggunaan ungkapan **"Halal"**, **"Ditanggung Halal"** atau **"Makanan Islam"** atau sebarang ungkapan lain yang menunjukkan atau mungkin difahami sebagai menunjukkan bahawa orang Islam adalah dibenarkan menurut agama mereka untuk memakan makanan itu, selain dari Sijil Halal yang disebut dalam ceraian (1) atau Label Halal yang disebutkan dalam ceraian 2 bab (9), adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

Bab 35

Bab 40